

## **PENDIDIKAN SAINS SUKAN DI UPSI: ISU DAN CABARAN**

**MD AMIN BIN MD TAFF**

Fakulti Sains Sukan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

[amin@upsi.edu.my](mailto:amin@upsi.edu.my)

*Kertas Kerja ini telah dibentangkan di Seminar Sukan Antarabangsa Teluk Danga 2007, Johor Bahru, Johor*

### **ABSTRAK**

Pembangunan sukan negara semakin mendapat perhatian serius dari pihak kerajaan. Hasilnya tertubuhlah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan yang bermatlamat untuk memartabatkan mutu sukan negara agar mampu bersaing di persada antarabangsa. Salah satu fokus yang telah dikenalpasti ialah pembangunan sukan secara bersepadu di peringkat sekolah melalui pengalihan lebih ramai guru Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani terlatih di sekolah. Fokus pengalihan guru Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani terlatih merupakan tanggungjawab sosial utama di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak dan dipertanggungjawabkan kepada Fakulti Sains Sukan (FSS) yang kini menawarkan program Pendidikan Sains Sukan, Pendidikan Psikologi Sukan dan Pendidikan Kejurulatihan Sukan kepada lebih 710 orang pelajarannya. Dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan, FSS menghadapi pelbagai cabaran seperti ketandusan pelajar berlatarbelakangkan sukan prestasi tinggi, kekurangan prasarana, kekangan jadual kuliah serta tanggapan negatif terhadap profesion keguruan. Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan pelbagai cabaran serta strategi yang telah dilaksanakan oleh FSS UPSI dalam menyahut seruan kerajaan ke arah melahirkan guru Sains Sukan yang bitara dan pakar dalam sukan berprestasi tinggi.

### **FAKULTI SAINS SUKAN UPSI: SEPINTAS LALU**

Program Pendidikan Sains Sukan merupakan antara program akademik yang terawal ditubuhkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak. Bermula dengan hanya dua orang pensyarah seawal Januari 1998, matlamat utamanya ialah untuk melahirkan para graduan yang berketrampilan dalam bidang Sains Sukan, bestari serta mampu menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan, pembangunan dan penyelidikan Sains Sukan di Malaysia.

Seiring dengan Wawasan UPSI Baru yang telah diperkenalkan pada tahun 2005, program ini telah dinaiktarafkan kepada Fakulti Sains Sukan (FSS) pada 1 Februari 2005 dan menawarkan tiga program Ijazah Sarjanamuda Pendidikan Sains Sukan iaitu: (1) Program Pendidikan Sains Sukan (AT 03); (2) Program Psikologi Sukan (AT 42); dan (3) Program Sains Kejurulatihan (AT 43) kepada seramai 710 orang pelajarannya. Selain itu,

fakulti ini juga turut menawarkan program Sarjana dan Kedoktoran Pendidikan Sains Sukan kepada 56 orang pelajarinya.

Hasil usaha 26 orang kakitangan akademik, 11 orang staf sokongan dan para pelajar, Fakulti Sains Sukan telah banyak membantu dalam menjulang mutu akademik dan sukan di UPSI. Antaranya ialah pelaksanaan pelbagai penyelidikan di peringkat kebangsaan dan negara (contohnya penyelidikan saintifik antropometri atlet kanu dan kayak Asia 2005 dan pembentukan norma kecergasan fizikal pelajar sekolah Malaysia), kolaborasi bersama Majlis Sukan Negeri Johor, Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Universiti Institut Tun Hussien Onn dalam penganjuran Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga, pembentukan Kurikulum Pendidikan Kanu Kebangsaan bersama Persatuan Kanu Malaysia dan sumbangan idea dalam penerbitan buku teks Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani di Malaysia.

#### **FAKULTI SAINS SUKAN UPSI DAN SERUAN PEMBANGUNAN SUKAN NEGARA**

Kebelakangan ini, kerajaan Malaysia telah memberikan perhatian yang serius terhadap aspek pembangunan dan kemajuan sukan negara. Hasrat ini telah mendorong penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan dan Kemajuan Sukan Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia sendiri. Matlamat utama jawatankuasa ini ialah untuk memartabatkan mutu sukan negara agar mampu mencapai kejayaan cemerlang di persada antarabangsa.

Salah satu fokus utama yang telah dikenalpasti oleh jawatankuasa ini ialah pengalihan lebih ramai atlet muda yang berkualiti di peringkat sekolah melalui proses pengajaran dan pembelajaran Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani yang bersepadu dan terkini. Saranan ini merupakan suatu tanggungjawab dan cabaran besar yang perlu digalas oleh FSS kerana fakulti ini merupakan salah satu sumber pendidikan guru Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani negara.

Bagi mencapai saranan melahirkan guru Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani yang berkualiti FSS telah dan sedang melaksanakan dua strategi utama iaitu: (1) memperkemaskinikan struktur program akademiknya; dan (2) menggalakkan pengambilan pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademik malah memiliki prestasi dan kebolehan sukan yang tinggi.

Strategi pertama iaitu memperkemaskinikan struktur program akademik dilaksanakan melalui perancangan dan penubuhan program baru (Program Sains Sukan

dengan Pendidikan), mengkaji dan memperkemaskinikan struktur kursus sedia ada, menawarkan kursus-kursus baru (contohnya QPS 2033 – Psikobiologi Sukan dan QSS 2502 – Pendidikan Integriti dan Sosiologi Sukan) dan menggalakkan pelajar mempelajari lebih banyak kemahiran sukan melalui pengurangan kredit dari dua kepada satu jam bagi semua kursus kemahiran ikhtisas.

Strategi kedua pula ialah menggalakkan pengambilan pelajar cemerlang sukan melalui perancangan penubuhan program matrikulasi dan pra universiti bersama Sekolah Sukan Malaysia, mewujudkan syarat kemasukan khas kepada atlet negara, dan menggalakkan perlaksanaan kajian saintifik Sains Sukan untuk membantu mempertingkatkan pengetahuan dan prestasi sukan dikalangan pelajar mahupun staf FSS.

Namun, dalam menyahut seruan kerajaan kearah melahirkan guru yang berkualiti dalam bidang Sains Sukan, FSS tidak dapat lari dari pelbagai isu dan cabaran yang sedang dan bakal dihadapinya.

### **<sup>1</sup>ISU DAN CABARAN DI FSS UPSI**

Secara umumnya, penulis berpendapat bahawa isu dan cabaran yang dihadapi oleh FSS dalam melahirkan guru Sains Sukan yang berkualiti dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu: (1) isu dan cabaran dalam bidang akademik; dan (2) isu dan cabaran dalam aspek pembangunan sukan pelajar FSS.

#### **ISU DAN CABARAN DALAM BIDANG AKADEMIK**

Penulisan ini mendefinisikan isu dan cabaran dalam bidang akademik sebagai isu yang dihadapi oleh FSS dalam melaksanakan sebarang program yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran. Antara isu dan cabaran yang telah dan sedang dihadapi oleh FSS ialah:

##### **1. Bilangan tenaga pengajar yang terhad**

Senario ini tercetus akibat bilangan tenaga pengajar yang semakin berkurangan kerana bersara wajib (1 orang) dan melanjutkan pelajaran (8 orang). Faktor kekurangan tenaga pengajar ini pula dibayangi dengan pertambahan pesat bilangan program yang ditawarkan (3 program) yang

---

<sup>1</sup> *Isu dan cabaran yang akan digariskan dalam subtopik ini merupakan pandangan peribadi penulis yang merupakan bekas pelajar dan sekarang menjadi pensyarah di FSS UPSI. Ianya dianalisis melalui pengalaman dan percambahan idea di antara penulis, rakan akademik dan beberapa orang pelajar. Sehubungan itu, ia tidak mewakili pandangan mahupun laporan rasmi FSS UPSI.*

juga mendorong penambahan bilangan pelajar (710 orang). Akibatnya sesetengah pensyarah dibebani dengan masa mengajar yang panjang (sehingga 20 jam), mengajar bilangan kursus yang agak banyak (sehingga 4 kursus) dan ada juga yang dipinjamkan ke fakulti lain yang menawarkan kursus yang berorientasikan sukan.

Selain itu, FSS sebagai fakulti yang baru di UPSI juga menghadapi isu kekurangan staf sokongan. Lantas staf akademik diperlukan untuk membantu tugas pengurusan dan pengelolaan program fakulti. Penulis khuatir kedua-dua faktor ini (kekurangan staf akademik dan sokongan) mungkin mendatangkan kesan terhadap mutu akademik di FSS.

## **2. Kekurangan kemudahan prasarana akademik**

Kampus UPSI seluas 82 ekar kini menempatkan 8 buah fakulti, 13 pusat kecemerlangan akademik dan menampung hampir 14 ribu orang pelajar. Ini pastinya mewujudkan kesesakan penggunaan prasarana akademik terutamanya bilik kuliah dan makmal komputer. Faktor prasarana akademik yang terhad ini serta faktor kekurangan tenaga pengajar boleh mengakibatkan kepadatan jadual kuliah pelajar yang mungkin boleh mendatangkan kesan terhadap keselesaan belajar di kalangan pelajar.

## **3. Jadual kuliah yang agak padat**

Bagi memenuhi syarat bergraduasi, pelajar FSS perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 127 kredit dalam jangkamasa minimum 4 tahun. Seiring dengan prasyarat Sarjanamuda Pendidikan, pelajar FSS bukan sahaja perlu mengikuti kursus teras Sains Sukan (53 kredit), tetapi perlu juga mengikuti kursus minor (24 kredit), kursus universiti (22 kredit) dan kursus asas pendidikan (18 kredit). Kepelbagaian fokus kursus yang perlu diikuti ini sedikit sebanyak memerlukan pelajar memperuntukkan komitmen akademik yang tinggi. Faktor fokus kursus yang pelbagai berserta isu kekurangan tenaga pengajar dan prasarana akademik lantas mewujudkan senario kepadatan jadual kuliah pelajar. Akibatnya pelajar hanya memiliki masa yang terhad untuk mengulangkaji pelajaran dan bergiat aktif dalam bidang sukan. Kesan

jadual kuliah yang padat dipercayai telah mempengaruhi mutu sukan UPSI<sup>2</sup>. Contohnya skuad olahraga MASUM UPSI telah mencatatkan kemerosotan pencapaian pada tahun 2006 (4 perak) berbanding tahun 2005 (6 pingat emas). Selain itu, kemerosotan kehadiran sesi latihan juga dicatatkan dikalangan atlet skuad kayak UPSI<sup>3</sup>.

#### **4. Kekurangan pelajar cemerlang sukan**

FSS menghadapi kemelut dalam mendapatkan pelajar yang benar-benar cemerlang dalam bidang sukan (atlet negara). Ini didorong oleh syarat kemasukan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berbanding Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menawarkan peluang pengajian kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ramai berpendapat bahawa pelajar lepasan SPM memiliki kecergasan fizikal yang lebih tinggi berbanding pelajar lepasan STPM yang tidak mengikuti mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan tidak layak menyertai kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSS) akibat faktor umur.

Selain itu, ramai pelajar cemerlang sukan tidak berminat untuk menjadi guru ataupun memiliki tanggapan negatif terhadap bidang keguruan. Tanggapan ini lantas menghalang mereka untuk melanjutkan pelajaran di FSS.

Faktor lokasi yang jauh dari ibu negara berbanding IPT di sekitar Lembah Kelang juga mungkin menghalang kemasukan pelajar cemerlang sukan ke FSS. Ini kerana kelab-kelab sukan ternama<sup>4</sup> kebanyakannya berpusat di sekitar Lembah Kelang. Melanjutkan pelajaran di UPSI pastinya menyukarkan mereka untuk menyertai kelab sukan ternama tersebut berbanding melanjutkan pelajaran di IPT sekitar Lembah Kelang.

Senario di atas telah sedikit sebanyak menggugat usaha UPSI untuk melahirkan guru Sains Sukan yang cemerlang selain menggugat prestasi skuad MASUM UPSI berbanding IPT lain terutamanya yang berpusat di sekitar Lembah Kelang.

---

<sup>2</sup> *Pendapat ini diutarakan hasil diskusi di antara penulis dan pensyarah penasihat skuad olahraga MASUM UPSI.*

<sup>3</sup> *Hasil perbincangan bersama jurulatih dan atlet skuad kayak MASUM UPSI.*

<sup>4</sup> *Contohnya Kelab MPPJ – bolasepak, Kelab Cobra – ragbi dan Kelab Kilat – hoki*

## **ISU DAN CABARAN DALAM PEMBANGUNAN SUKAN PELAJAR**

Penulisan ini mendefinisikan isu dan cabaran dalam pembangunan pelajar sebagai isu yang dihadapi oleh FSS dalam melaksanakan sebarang program yang berteraskan pembangunan sahsiah dan prestasi sukan pelajar. Antara isu dan cabaran yang telah dan sedang dihadapi oleh FSS UPSI ialah:

### **1. Kekangan Pusat Sukan UPSI**

Pembangunan sukan pelajar di UPSI dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Pusat Sukan. Malangnya pusat ini tidak dapat memainkan peranan optimumnya akibat kekurangan staf<sup>5</sup>, peruntukan kewangan yang terhad<sup>6</sup> serta bidang tugas yang agak luas<sup>7</sup>. Senario ini diburukkan lagi dengan faktor kekurangan jurulatih sukan berpengalaman untuk membimbing dan mempertingkatkan mutu sukan UPSI. Kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh Pusat Sukan UPSI ini sedikit sebanyak telah mendatangkan kesan terhadap perkembangan sukan di UPSI terutamanya di peringkat MASUM yang kebanyakannya diwakilii oleh pelajar FSS. Faktor ini pastinya menggugat usaha FSS untuk melahirkan guru Sains Sukan yang cemerlang sebagaimana yang disarankan oleh pihak kerajaan.

### **2. Kemudahan dan prasarana sukan yang terhad**

Kemudahan sukan dan permainan seperti padang dan gelanggang di UPSI masakini tidak dapat menampung keperluan sukan dan riadah pelajar yang semakin bertambah. Kerap kali berlaku pertindihan penggunaan padang dan gelanggang di antara program akademik, program pembangunan pelajar dan aktiviti sukan dan riadah staf. Senario ini sedikit sebanyak menghadkan peluang pelajar untuk bersukan semaksima mungkin.

---

<sup>5</sup> Sehingga 1 April 2006, staf Pusat Sukan UPSI hanyalah seramai 5 orang yang terdiri daripada seorang pegawai sukan, seorang penolong pegawai sukan, seorang pembantu sukan dan dua orang pembantu tadbir (sambilan)

<sup>6</sup> Pada tahun 2006 sebanyak RM 100 ribu sahaja diperuntukkan bagi aktiviti sukan pelajar, staf dan pembelian peralatan.

<sup>7</sup> Antara bidang tugas utama Pusat Sukan UPSI ialah penganjuran program sukan pelajar dan staf, penyelenggaraan kemudahan sukan UPSI dan terlibat aktif sebagai jawatankuasa kerja MASUM

## **FAKULTI SAINS SUKAN: STRATEGI MEMINIMAKAN ISU DAN CABARAN**

Walaupun dikekang dan dibelenggu pelbagai isu dan cabaran dalam memartabatkan bidang Pendidikan Sains Sukan di UPSI, FSS telah dan sedang berusaha gigih dalam meminimakan isu dan cabaran yang dihadapinya. Subtopik ini akan membincangkan langkah-langkah yang diambil dalam meminimakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh FSS UPSI.

### **1. Isu kekurangan pensyarah**

Isu kekurangan pensyarah di FSS ditangani dengan empat strategi utama iaitu: (1) perlantikan tutor dikalangan pelajar muda yang memiliki pencapaian akademik cemerlang dan berbakat dalam sukan; (2) melantik pensyarah sambilan dari IPT yang berhampiran<sup>8</sup>, (3) memberikan peluang kepada pelajar Sarjana dan Kedoktoran untuk menjadi pensyarah sambilan; dan (4) menggunakan khidmat demonstrator atau instruktur sambilan dalam kelas-kelas amali yang ditawarkan oleh FSS.

Strategi ini dilaksanakan khusus untuk memastikan pelajar terus mendapat input pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti sekaligus meningkatkan mutu akademik di FSS. Hasilnya beban tugas pensyarah dapat dikurangkan manakala pelajar mendapat kemahiran amali yang lebih spesifik dari pensyarah atau demonstrator sambilan yang sememangnya pakar dalam bidang masing-masing.

### **2. Isu kekangan prasarana akademik**

Walaupun isu kekurangan infrastruktur akademik agak meruncing di UPSI, FSS bersama Bahagian Akademik dan Bahagian Pembangunan UPSI telah mengambil langkah drastik dengan mengubahsuai bilik sediaada agar boleh menampung keperluan pelajar. Sehubungan itu, beberapa buah bilik kuliah telah dibina baru, dibesarkan mahupun diubahsuai menjadi makmal amali Sains Sukan.

Antara langkah lain yang dilaksanakan oleh FSS ialah menggalakkan staf akademiknya menerapkan unsur *experiential learning* iaitu pembelajaran

---

<sup>8</sup> Contohnya Maktab Perguruan Ilmu Khas dan Universiti Kebangsaan Malaysia

melalui pengalaman sebenar. Hasilnya kelas-kelas teori diterapkan dalam kelas amali sekaligus mengurangkan keperluan penggunaan bilik kuliah. Terbaru, pihak pengurusan UPSI telah menyewa satu blok rumah kedai dari pihak pengurusan Taman Universiti yang terletak bersebelahan Kampus UPSI bagi menampung isu kekurangan bilik kuliah. Langkah-langkah drastik yang diambil ini dapat meminimalkan isu kekangan prasarana akademik yang bukan sahaja dihadapi oleh pelajar FSS malah seluruh pelajar UPSI yang lain.

### **3. Isu jadual waktu kuliah yang padat**

Isu ini ditangani dengan bijak oleh FSS dengan kerjasama jitu dari Bahagian Akademik UPSI. Antaranya ialah mengurangkan jam pertemuan antara pensyarah dan pelajar sebaliknya menggalakkan pembelajaran secara *online*. Strategi ini bukan sahaja dapat meminimalkan isu kepadatan jadual kuliah pelajar tetapi dapat juga menghapuskan budaya *spoon feeding* serta menggalakkan situasi *self and experiential learning* di kalangan pelajar. FSS juga meminimalkan isu ini dengan memberikan tugas bercorak amali kepada pelajar seperti penganjuran kejohanan dan kejurulatihan serta pengendalian sesi pengajaran mikro. Strategi ini bukan sahaja dapat mengurangkan beban jadual kuliah malah dapat memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk berlatih dan bersukan di waktu pilihan mereka.

### **4. Isu kekurangan pelajar cemerlang sukan**

Pertambahan bilangan pelajar cemerlang sukan yang ramai amat diperlukan oleh FSS bagi melahirkan guru Sains Sukan yang berkualiti. Sehingga kini, FSS telah dan sedang merancang strategi untuk menambahkan lagi bilangan pelajar ini melalui penubuhan program matrikulasi dan pra universiti bersama Sekolah Sukan Malaysia serta mengadakan syarat kemasukan khas kepada atlet sukan negara. FSS juga telah melantik semua pelajarnya untuk menjadi duta kecil dalam mempromosi dan mengenalpasti pelajar cemerlang sukan di negeri masing-masing. Selain itu, FSS sedang berkerjasama erat dengan Pusat Sukan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam merangka skim insentif kepada pelajar cemerlang sukan yang menuntut di UPSI.

## **ISU PEMBANGUNAN PELAJAR**

### **1. Isu kekurangan Pusat Sukan**

Dalam mengatasi isu kekurangan staf Pusat Sukan dalam mengendalikan aktiviti sukan pelajar, FSS telah mengambil langkah proaktif dalam menggalakkan kursus kemahiran ikhtisas dan Persatuan Sains Sukan untuk menganjurkan pelbagai siri pertandingan dan kursus kemahiran sukan. FSS juga menggalakkan staf akademik dan sokongannya untuk memainkan peranan aktif dalam persatuan sukan pelajar yang mereka minati. Keberkesanan strategi ini dapat dilihat melalui peningkatan prestasi sukan UPSI yang mendadak dalam Kejohanan MASUM tahun 2005 dan 2006<sup>9</sup>.

### **2. Isu kekurangan dan kemudahan peralatan sukan**

Isu ini diminimakan oleh FSS dengan kerjasama erat Pusat Sukan dan Jabatan HEP dalam merancang sesi latihan malam bagi pasukan MASUM UPSI. Strategi ini sekaligus dapat meminimakan isu kekurangan dan pertindihan penggunaan prasarana sukan. Terkini, pihak pengurusan UPSI telah bersetuju untuk membina lampu limpah di sekeliling padang UPSI yang bukan sahaja membolehkan latihan pasukan MASUM bahkan juga pengendalian kelas kemahiran ikhtisas. Isu ini juga diatasi dengan menganjurkan beberapa siri latihan persahabatan dan penyesuaian di luar Tanjung Malim bagi membolehkan atlet mengadaptasi kepelbagaian struktur gelanggang dan situasi permainan.

## **FAKULTI SAINS SUKAN UPSI: ISU DAN CABARAN MENDATANG**

Pelbagai isu, cabaran dan strategi mengatasi yang telah dibahasakan dalam artikel ini merupakan asam garam di FSS. Namun ia tidak pernah melunturkan semangat warga FSS dalam menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan pendidik Sains Sukan berkualiti yang kelak mampu memartabatkan mutu sukan negara ke persada antarabangsa. Penulis juga sedar bahawa selain dari isu yang dibincangkan ini, sedang wujud beberapa cabaran baru seperti isu lebih guru di sekolah yang mungkin menjejaskan peluang pekerjaan pelajar

---

<sup>9</sup> Pasukan kayak telah berjaya menjadi Johan Karnival Kanu Putrajaya dan naib johan kejohanan MASUM 2005, pasukan bolasepak muncuk juara divisyen dua dan naib juara Liga Celcom, skuad olahraga merangkul 6 pingat emas dan pasukan hoki lelaki layak ke separuh akhir buat pertama kalinya.

FSS dan isu *burn out* di kalangan guru Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani di sekolah akibat beban tugas yang semakin bertambah.

Kesemua isu ini perlu dihadapi dengan tabah dan diatasi dengan bijak agar akhirnya dapat mendatangkan kesan positif kepada semua pihak. Bagi penulis, cabaran yang paling getir bagi FSS ialah untuk memastikan ianya terus maju, sentiasa relevan dan berdaya saing dalam arus pendidikan dan pembangunan sukan negara yang semakin berkembang pesat. Semoga kelak pendidik Sains Sukan UPSI mampu menjadi pelestari pembangunan dan kemajuan sukan negara.